

18/04/1999

Ahli digesa pertahan kepemimpinan Dr Mahathir

KUALA TERENGGANU: Semua ahli Umno diminta tidak terus berdiam diri, malah segera bertindak mempertahankan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika ini menerima kecaman hebat pelbagai pihak, termasuk pemimpin negara asing dan penyokong reformasi.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Noor, berkata tindakan yang perlu dilaksanakan semua ahli parti ialah bertemu dan mengadakan perbincangan terus dengan setiap anggota masyarakat di kawasan masing-masing.

"Mereka perlu melaksanakan tugas itu supaya Perdana Menteri yang menjadi simbol perjuangan Umno tidak dikecam dengan sewenang-wenangnya oleh pihak tertentu, termasuk pemimpin negara asing dan pembangkang negara ini," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Maal Hijrah peringkat negeri, di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Beliau berkata, majlis penerangan sudah dilaksanakan sebelum ini, tetapi tindakan yang lebih menyeluruh dan berkesan perlu dilakukan untuk menaikkan semua imej parti dan negara.

(END)